

**TEKS UCAPAN DATO' SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI**  
**MENARA PERKESO, KUALA LUMPUR**  
**SIMPOSIUM KERJAYA ORANG KURANG UPAYA**  
**12 MAC 2001**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, saya dapat hadir dalam majlis yang penuh bermakna ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr Fong Chan Onn atas kesudian menjemput saya memberi ucapan di majlis ini dan seterusnya merasmikan Simposium Kerjaya Orang Kurang Upaya pada hari ini.

2. Tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Sumber Manusia kerana menganjurkan symposium yang merupakan satu usaha yang murni dan mencerminkan keprihatinan Kerajaan terhadap golongan rakyat kurang upaya. Ini selaras dengan aspirasi negara untuk memupuk satu masyarakat Malaysia yang penyayang.

3. Sepuluh tahun dahulu, saya telah juga diberi kehormatan oleh Kementerian Sumber Manusia untuk merasmikan pelancaran kempen Penggalakan Penempatan Orang-orang Kurang Upaya dalam sektor pekerjaan. Saya difahamkan bahawa hasil daripada kempen yang dilancarkan itu hingga kini, seramai 3,870 orang kurang upaya telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan di sektor swasta. Bilangan ini amatlah kecil jika dibandingkan dengan bilangan orang kurang upaya yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu seramai 99,500 orang. Sementara itu adalah dianggarkan pula bilangan orang kurang upaya di negara ini adalah melebihi 220,000 iaitu berdasarkan kepada norma anggaran antarabangsa sekurang-kurangnya 1% dari penduduk dunia terdiri daripada orang kurang upaya.

4. Ini bermakna bahawa sebahagian besar daripada orang kurang upaya di negara ini terpaksa mengharap bantuan keluarga sendiri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam penghidupan mereka. Sungguhpun adalah dasar Kerajaan menggalakkan masyarakat Malaysia bertanggungjawab menjaga ahli keluarga sendiri sama ada yang tua ataupun yang kurang upaya, terdapat pula banyak keluarga yang tidak mampu melaksanakannya secara bersendirian. Dengan itu masyarakat mempunyai tanggungjawab sosial untuk membantu mereka ini. Dalam menikmati kehidupan yang selesa daripada kemakmuran negara, kita tidak harus sama sekali melupai mereka yang kurang bernasib baik.

5. Saya pasti bahawa semua orang kurang upaya seboleh-bolehnya tidak mahu bergantung semata-mata kepada bantuan dan belas ehsan di samping menjadi beban kepada orang lain untuk penghidupan mereka. Mereka juga mahu bekerja, berdikari dan merasa bangga dapat bersama menyumbang kepada pembangunan dan kemakmuran negara. Bagi seseorang, pekerjaan bukan sahaja satu hak asasi untuk berdikari dan hidup selesa, tetapi adalah juga maruah diri. Orang kurang upaya juga mahu dianggap sebagai rakyat yang berguna dan produktif. Saya percaya masih ramai lagi orang kurang upaya yang mampu melaksanakan pelbagai jenis pekerjaan jika diberi

peluang dan kesempatan. Sudah ternyata bahawa terdapat ramai pekerja orang kurang upaya yang bukan sahaja setanding tetapi juga dapat menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi daripada pekerja-pekerja lain. Tidak dinafikan usaha untuk menempatkan orang kurang upaya dalam pekerjaan sentiasa menghadapi pelbagai rintangan, halangan dan sekatan-sekatan. Kita tidak sepatutnya merasa kecewa apabila menemui kegagalan dan seharusnya meneruskan usaha dan mencari pendekatan baru dan terus membantu mereka.

6. Rintangan yang paling sukar mereka atasi ialah persepsi negatif masyarakat terhadap kemampuan mereka dan stigma yang dirasai oleh majikan-majikan untuk mengambil mereka bekerja. Unsur-unsur negatif ini hendaklah dikikis dan dihapuskan. Dengan itu simposium yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia pada hari ini dengan objektif-objektif sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Fong Chan Onn amatlah relevan sekali. Saya amatlah berharap agar simposium pada hari ini akan dapat menghasilkan satu rancangan yang berkesan ke arah mengintegrasikan orang kurang upaya ke dalam masyarakat melalui penglibatan mereka dalam pekerjaan.

7. Memandangkan terdapat pelbagai kategori Orang Kurang Upaya dengan tahap keupayaan yang berlainan adalah wajar bagi kita meneliti cara-cara menempatkan mereka dalam pekerjaan yang paling bersesuaian. Ketidakeupayaan yang dilihat secara fizikal tidak bermakna golongan ini tidak berupaya untuk bekerja. Dengan bantuan, persekitaran dan peralatan yang sesuai, mereka ini mampu untuk menjalankan kerja-kerja dengan baik.

8. Bagi memastikan ketidakeupayaan berkembang kepada satu keupayaan, tindakan perlu bermula dari peringkat awal lagi. Mereka perlu dikesan dari peringkat kanak-kanak dan satu program pemulihan dan pembangunan minda dan fizikal perlu dirancang untuk membantu mereka menghadapi penghidupan dan cabaran masa depan.

9. Sambil mengucapkan syabas kepada Kementerian Sumber Manusia atas usaha-usaha yang telah dijalankan, saya juga menyeru semua pihak terutamanya agensi-agensi Kerajaan yang ada kaitan, badan-badan berkanun, persatuan-persatuan Orang Kurang Upaya, para majikan supaya dapat bekerjasama dan meningkatkan lagi usaha mereka dalam melaksanakan tanggungjawab sosial mereka dalam perkara ini.

10. Salah satu lagi rintangan yang dihadapi oleh Orang Kurang Upaya dalam usaha mereka mendapatkan pekerjaan ialah tahap pembelajaran dan tahap kemahiran yang diperlukan. Oleh itu Institusi pembelajaran, institusi-institusi latihan vokasional dan latihan kemahiran hendaklah menyediakan peluang yang sama dengan mengadakan kemudahan dan program yang sesuai untuk golongan ini berpeluang meningkatkan keupayaan mereka. Pembangunan teknologi terutamanya di bidang IT, sepatutnya meningkatkan lagi peluang-peluang Orang Kurang Upaya untuk diberi pekerjaan dan bukan sebaliknya. Kita seharusnya bersikap lebih inovatif dengan mengambil kesempatan pembangunan IT untuk membantu Orang Kurang Upaya mendapat pekerjaan. Pembangunan IT dapat meringankan kerja yang berat dan juga

mengurangkan keperluan pergerakan. Pertubuhan-pertubuhan Orang Kurang Upaya seharusnya mengambil peluang ini untuk membantu Orang-Orang Kurang Upaya di bawah jagaan mereka mendapat pekerjaan secara berkumpulan seperti 'home working' dan 'teleworking'.

11. Persekitaran, merupakan satu lagi faktor penting untuk membolehkan Orang Kurang Upaya menceburkan diri dalam bidang pekerjaan. Persepsi negatif terhadap orang kurang upaya perlu berubah. Majikan mestilah bersedia menyesuaikan tempat kerja, prosedur kerja, aliran kerja, peralatan dan persekitaran kerja yang membolehkan mereka menggaji orang kurang upaya. Penyusunan semula tugas mungkin diperlukan bagi tujuan ini. Pekerjaan Orang Kurang Upaya tidak harus dihadkan kepada kerja-kerja tertentu sahaja, tetapi peluang-peluang pekerjaan yang baru setanding dengan kebolehan dan keupayaan mereka haruslah dikenalpasti. Iklan-iklan yang menawarkan peluang pekerjaan mestilah mengambil kira calon-calon kurang upaya.

12. Melalui pemerhatian saya, didapati pengangkutan awam kita masih belum mengamalkan dan mengadakan kemudahan dan struktur yang mesra Orang Kurang Upaya. Dengan demikian golongan ini sukar untuk menggunakan kemudahan ini dan mereka terpaksa meminta bantuan orang ramai. Mereka gagal untuk berdikari. Saya menyeru agensi berkaitan untuk mengambil kira faktor ini semasa membuat perancangan pengangkutan awam .

13. Masyarakat umum hendaklah faham bahawa Orang Kurang Upaya tidaklah kekurangan dalam semua aspek. Sekiranya persekitaran yang sesuai disediakan untuk mereka, mereka juga akan mampu untuk menyumbangkan sesuatu kepada masyarakat. Bangunan dan infrastruktur serta kemudahan awam hendaklah mesra Orang Kurang Upaya supaya golongan ini mendapat akses yang mudah kepada perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Saya sangat sukacita melihat bagaimana bangunan-bangunan dan kemudahan komuniti yang baru dibina mengambil kira keperluan Orang Kurang Upaya. Orang kurang upaya mempunyai hak yang sama untuk menikmati kemudahan dan perkhidmatan yang ada.

14. Orang Kurang Upaya sendiri mestilah pula bersedia untuk mengambil peluang ke atas kemudahan dan bantuan yang disediakan dan hendaklah tidak terlalu memilih pekerjaan yang berupaya dilakukan oleh mereka. Mereka tidak perlu mempunyai perasaan inferiority. Masyarakat tidak mungkin dapat membantu mereka jika mereka sendiri tidak mahu berubah dan tampil ke hadapan untuk memajukan diri mereka sendiri. Setiap keluarga yang mempunyai anak-anak istimewa ini hendaklah sentiasa memberikan segala dorongan dan bantuan agar mereka mempunyai kekuatan bagi menghadapi rintangan dan cabaran hidup yang sedang dan bakal mereka alami. Ibubapa dan keluarga hendaklah sanggup menerima realiti dan bersedia mengubah sikap serta mengikis perasaan malu untuk mendedahkan anak-anak mereka kepada dunia luar supaya mereka mendapat bantuan professional dan menikmati kemudahan-kemudahan dan bantuan yang sedia ditawarkan oleh pelbagai pihak khususnya di bawah naungan Kerajaan.

15. Bagi mendorong sektor swasta mengambil orang kurang upaya sebagai pekerja, agensi-agensi awam sama ada Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun, syarikat milik Kerajaan hendaklah terlebih dahulu menunjukkan teladan dengan memperuntukkan sebahagian dari pekerja mereka kepada orang kurang upaya. Sektor awam sendiri masih belum mencapai sasaran peruntukan 1 % dari pekerjaan yang ada bagi golongan ini. Saya sekali lagi menyeru pihak-pihak yang bertanggungjawab agar memastikan sasaran ini dicapai. Sektor swasta pula tidak memberi sambutan yang diharapkan walaupun kerjasama mereka sentiasa diminta.

16. Sekiranya insentif yang telah diadakan oleh Kerajaan, dan seruan-seruan dari pelbagai pihak masih belum dapat mendorong para majikan untuk mengambil orang kurang upaya bekerja, kita perlulah mencari jalan penyelesaian yang baru. Saya percaya, atas keperihatinan Yang Berhormat Datuk Dr. Fong Chan Onn terhadap orang kurang upaya dan dengan pengalaman yang ada padanya beliau akan dapat mengubah senario ini. Memandangkan bilangan orang kurang upaya yang kebajikan mereka menjadi tanggungjawab negara adalah begitu besar, saya berharap Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk melaksanakan langkah-langkah yang lebih berkesan termasuklah jika perlu, peruntukkan undang-undang.

17. Walau bagaimanapun, tidak saya nafikan bahawa terdapat sebilangan syarikat yang sangat prihatin dan peka dengan keperluan menggajikan Orang Kurang Upaya ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada syarikat-syarikat ini kerana telah menyerapkan sebilangan besar orang kurang upaya. Saya berharap syarikat-syarikat lain akan dapat menurut jejak langkah mereka dan menyediakan peluang yang sama kepada Orang Kurang Upaya di dalam syarikat masing-masing. Setengah dari mereka juga telah menyediakan kemudahan tempat tinggal dan pengangkutan bagi memudahkan mereka.

18. Saya berharap agar Simposium hari ini akan dapat memikirkan ide-ide baru dan menghasilkan peluang-peluang kerjaya yang baru bagi Orang Kurang Upaya. Tumpuan juga perlu diberikan kepada mereka yang menjadi kurang upaya akibat kemalangan untuk terus bekerja sama ada di tempat yang sama atau baru. Keperluan mereka mungkin berbeza dari mereka yang kurang upaya sejak kelahiran. Saya menyeru para majikan agar tidak mengambil tindakan membuang pekerja-pekerja mereka yang telah kurang upaya akibat kemalangan semasa bekerja dengan sebaliknya memberikan mereka pekerjaan yang sesuai di dalam syarikat yang sama.

19. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para peserta Simposium ini yang melalui sumbangan mereka diharap akan menghasilkan satu Plan Tindakan yang akan dapat mengintegrasikan orang kurang upaya dalam masyarakat. Diharap wakil majikan yang hadir pada hari ini dapat memberi sumbangan yang positif dalam merealisasikan hasrat kita supaya lebih ramai orang kurang upaya diberi peluang pekerjaan dan berupaya menyumbang kepada pembangunan negara.

20. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua

yang terlibat di dalam menjayakan Simposium ini dan dengan amat sukacitanya Merasmikan Simposium Kerjaya Orang Kurang Upaya ini.